

Pembentukan Karakter Kepimpinan Murid Sekolah Rendah Melalui Amalan Pedagogi Terbeza

Developing Leadership Character in Primary School Pupils Through Differentiated Pedagogical Practices

Zurina Mustaffa^a, Zaharah Hussin^b, Azni Yati Kamarudin^c, Abdul Hadi Sulaiman^d,
Zuraini Yaakub^e

^{abc}Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Raja Melewar

^{d,e}Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

Corresponding author: zurina.mustaffa@ipgm.edu.my

Published: 31 October 2024

To cite this article: Mustaffa, Z. ., Hussin, Z., Kamarudin, A. Y., Sulaiman, A. H., & Yaakub, Z.. (2024). Pembentukan karakter kepimpinan murid sekolah rendah melalui amalan pedagogi terbeza. *Management Research Journal*, 13(2), 118-129. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol13.2.10.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/mrj.vol13.2.10.2024>

Abstrak

Pedagogi Terbeza merupakan pendekatan pengajaran kontemporari yang memanfaatkan kepelbagaian murid di bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepimpinan murid serta mengenal pasti kebolegunaan Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepimpinan murid sekolah rendah. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan protokol temu bual separa struktur. Sampel kajian terdiri daripada 2 orang guru pelatih IPGM Kampus Raja Melewar. Dapatan kajian menunjukkan Pedagogi Terbeza dapat membina karakter kepimpinan murid seperti hormat menghormati dan bekerjasama. Secara spesifik, murid didapati lebih menghargai kepelbagaian rakan sebaya dan lebih cenderung untuk bekerjasama dalam aktiviti kumpulan. Dapatan juga menunjukkan Pedagogi Terbeza boleh digunakan dalam pembentukan karakter kepimpinan kerana ia dapat memberi keseronokan kepada murid dan memberi impak yang positif seperti wujudnya toleransi antara guru dan murid. Kajian ini memberi implikasi yang besar kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam pendidikan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, serta pihak sekolah yang melibatkan guru dan murid.

Kata Kunci: pedagogi terbeza, pembentukan karakter kepimpinan, murid sekolah rendah, amalan pengajaran, kepelbagaian murid

Abstract

Differentiated Pedagogy is a contemporary teaching approach that celebrates student diversity in the classroom. This study aims to identify the practices of Differentiated Pedagogy in developing students' leadership character and to determine the usability of Differentiated Pedagogy in shaping the leadership character of primary school pupils. The research methodology is qualitative, utilising a semi-structured interview protocol. The study sample consists of two trainee teachers from IPGM Kampus Raja Melewar. The findings indicate that Differentiated Pedagogy can foster

leadership characteristics in students, such as mutual respect and cooperation. Specifically, pupils were found to be more appreciative of peer diversity and more inclined to collaborate in group activities. The findings also suggest that Differentiated Pedagogy can be employed in leadership character formation as it provides enjoyment for pupils and yields positive impacts, such as fostering tolerance between teachers and pupils. This study has significant implications for various stakeholders in education, including the Malaysian Ministry of Education, State Education Departments, District Education Offices, and schools involving both teachers and pupils.

Keywords: *differentiated pedagogy, leadership character formation, primary school pupils, teaching practices, student diversity*

PENGENALAN

Kepelbagaian murid di dalam bilik darjah telah menjadi fokus utama dalam sistem pendidikan Malaysia sejak pemansuhan sistem pengasingan kelas pada tahun 2019. Perubahan ini telah mencetuskan paradigma baharu dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran, di mana guru perlu lebih proaktif dan inovatif dalam memenuhi keperluan pembelajaran pelbagai murid dalam satu bilik darjah. Situasi ini telah mendorong guru untuk mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap murid dapat mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan, tanpa mengira latar belakang atau tahap kebolehan mereka.

Kepelbagaian murid dalam bilik darjah bukan sahaja merujuk kepada perbezaan etnik atau budaya, tetapi juga merangkumi aspek-aspek seperti tahap pencapaian akademik, gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan pelbagai (Tomlinson, 2020). Menurut kajian oleh Ibrahim dan Hashim (2021), kepelbagaian ini memberi cabaran kepada guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang berkesan untuk semua murid. Walau bagaimanapun, ia juga membuka peluang untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik dan inklusif.

Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam konteks ini ialah Pedagogi Terbeza. Pendekatan ini dikenali sebagai salah satu kaedah pengajaran kontemporari yang mampu menangani kepelbagaian murid dengan lebih berkesan. Menurut Zuraidah Abdul dan rakan-rakan (2023), Pedagogi Terbeza bukan sahaja membolehkan guru menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan individu murid, tetapi juga memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan berkesan.

Pedagogi Terbeza, yang diperkenalkan oleh Carol Ann Tomlinson, menekankan pengubahsuaian kandungan, proses, produk, dan persekitaran pembelajaran berdasarkan kesediaan, minat, dan profil pembelajaran murid (Tomlinson & Imbeau, 2022). Pendekatan ini membolehkan guru untuk menyesuaikan pengajaran mereka dengan keperluan individu murid, sambil mengekalkan standard akademik yang tinggi untuk semua. Ini selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, yang menekankan kepentingan pendidikan berkualiti untuk semua murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif dalam mempromosikan dan menyokong pelaksanaan Pedagogi Terbeza di sekolah-sekolah. Antara inisiatif utama ialah penghasilan pelbagai modul dan bahan sokongan untuk membantu guru melaksanakan pendekatan ini dengan lebih berkesan. Contohnya, Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) yang diperkenalkan oleh Sherone J. Oyunini dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2023) telah menyediakan panduan komprehensif kepada guru dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip Pedagogi Terbeza dalam pengajaran mereka.

Pelaksanaan Pedagogi Terbeza di Malaysia mencerminkan perubahan global dalam pendekatan pendidikan. Menurut kajian oleh Santangelo dan Tomlinson (2021), pendekatan ini telah menunjukkan kesan positif terhadap pencapaian akademik, motivasi, dan penglibatan murid dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada beberapa faktor, termasuk kesediaan guru, sokongan pentadbiran sekolah, dan ketersediaan sumber yang mencukupi.

Dalam konteks Malaysia, beberapa kajian tempatan telah menunjukkan potensi Pedagogi Terbeza dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Zurina Mustaffa dan rakan-rakan (2022) mendapati bahawa guru yang mengamalkan Pedagogi Terbeza dapat meningkatkan penglibatan

murid dalam pembelajaran dan membantu mereka mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mengenal pasti beberapa cabaran dalam pelaksanaannya, termasuk kekurangan latihan guru dan masa yang terhad untuk merancang pengajaran yang berbeza.

Selain itu, penggunaan teknologi dalam Pedagogi Terbeza juga semakin mendapat perhatian. Kajian oleh Mohd Razimi dan rakan-rakan (2021) menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam Pedagogi Terbeza dapat membantu guru menangani kepelbagaian murid dengan lebih berkesan, terutamanya dalam aspek penyampaian kandungan dan penilaian. Ini selaras dengan trend global ke arah pembelajaran digital dan personalisasi pendidikan.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan Pedagogi Terbeza bukan tanpa cabaran. Kajian oleh Noor Erma dan Leong (2020) mendapati bahawa guru-guru di Malaysia masih menghadapi kesukaran dalam mengadaptasi pendekatan ini, terutamanya dalam aspek pengurusan masa dan penilaian. Ini menunjukkan keperluan untuk latihan berterusan dan sokongan profesional kepada guru-guru dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Pedagogi Terbeza telah berkembang sejak beberapa dekad yang lalu, namun penekanan terhadap kepentingannya dalam pendidikan kontemporari semakin meningkat. Menurut Tomlinson (2020), Pedagogi Terbeza adalah pendekatan pengajaran yang memerlukan guru untuk secara proaktif mengubah suai kurikulum, kaedah pengajaran, sumber, aktiviti pembelajaran, dan hasil kerja murid berdasarkan perbezaan keperluan pembelajaran mereka. Ini selaras dengan pandangan Abd. Khahar dan rakan-rakan (2018) yang menekankan keadilan kepada murid dalam proses pengajaran.

Kajian terkini oleh Zurina Mustaffa dan rakan-rakan (2021) mendefinisikan Pedagogi Terbeza sebagai kepelbagaian metodologi yang bersifat luwes dan mudah lentur, diaplikasikan di dalam bilik darjah dengan mengubah suai kandungan, proses pengajaran, produk atau hasil pembelajaran serta persekitaran pembelajaran murid. Definisi ini mengembangkan pemahaman sebelumnya dengan menekankan aspek kelenturan dan adaptasi dalam pengajaran.

Marina Rahmad dan Zamri Mahamod (2021) memperkukuhkan konsep ini dengan menekankan kepentingan guru mempelbagaikan gaya pengajaran untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza. Ini menunjukkan evolusi dalam pemahaman Pedagogi Terbeza yang kini lebih menekankan kepada keupayaan guru untuk beradaptasi dengan keperluan individu murid.

Dalam konteks Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Gelombang Kedua telah mengiktiraf kepentingan Pedagogi Terbeza. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) mendefinisikannya sebagai kepelbagaian metodologi berdasarkan kerangka pedagogi yang mudah lentur, diimplementasikan di bilik darjah berdasarkan kepelbagaian penguasaan dan pencapaian, minat, profil murid dan latar belakang murid yang berbeza. Pengiktirafan ini menunjukkan komitmen di peringkat dasar untuk mengintegrasikan Pedagogi Terbeza dalam sistem pendidikan negara.

Elemen-elemen Pedagogi Terbeza

Kajian-kajian terkini telah memperincikan elemen-elemen Pedagogi Terbeza, memperkembangkan pemahaman awal yang dikemukakan oleh Tomlinson dan Imbeau (2014). Empat elemen utama yang dikenal pasti adalah kandungan, proses, produk, dan persekitaran.

Elemen kandungan dalam Pedagogi Terbeza merupakan aspek penting yang melibatkan penyesuaian kurikulum untuk memenuhi keperluan pelbagai murid. Tursunbayevna (2021) menjelaskan bahawa elemen ini merangkumi kurikulum yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, melibatkan konteks, kemahiran, penghayatan, dan nilai. Definisi ini memperluas pemahaman sebelumnya dengan memasukkan aspek penghayatan dan nilai, yang menunjukkan evolusi dalam konsep kandungan Pedagogi Terbeza. Penekanan terhadap aspek-aspek ini mencerminkan

kepentingan pembangunan holistik murid, bukan sekadar penguasaan pengetahuan dan kemahiran semata-mata. Nurmelda Patric dan Roslinda Rosli (2020) menekankan kepentingan guru mengubah suai kandungan yang diajar mengikut kemampuan kepelbagaian murid dari aspek kesediaan, minat, dan profil pembelajaran. Pendekatan ini menunjukkan perubahan paradigma dalam pendidikan, di mana kandungan pembelajaran tidak lagi dilihat sebagai entiti yang statik, tetapi sebagai elemen yang boleh dan perlu disesuaikan untuk memenuhi keperluan individu murid.

Elemen proses dalam Pedagogi Terbeza merujuk kepada kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan kandungan pembelajaran. Ibrahim Suleiman Ibrahim Magableh dan Amelia Abdullah (2020) menegaskan bahawa proses dalam Pedagogi Terbeza melibatkan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru mengikut kepelbagaian kemampuan murid. Mereka menekankan bahawa pendekatan "one size fits all" sudah tidak relevan dalam pendidikan kontemporari, mencerminkan keperluan untuk pendekatan yang lebih fleksibel dan responsif terhadap keperluan individu murid. Kajian oleh Derbala dan M.Yasin (2022) menambah dimensi baharu kepada pemahaman ini dengan mencadangkan bahawa proses dalam Pedagogi Terbeza harus merangkumi strategi pengajaran yang pelbagai, termasuk pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran koperatif, dan aktiviti yang menekankan kerjasama dan komunikasi dalam kumpulan. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan penyampaian kandungan yang lebih berkesan, tetapi juga membantu dalam pembangunan kemahiran sosial dan kolaboratif yang penting untuk kejayaan murid dalam dunia moden.

Elemen produk dalam Pedagogi Terbeza merujuk kepada hasil pembelajaran yang dihasilkan oleh murid dan cara guru menilai hasil tersebut. Kartika Eka Pertiwi (2021a) menjelaskan bahawa elemen produk melibatkan guru mengubah suai penilaian terhadap hasil kerja yang berbeza yang dihasilkan oleh murid. Pendekatan ini memperluas pemahaman sebelumnya dengan menekankan kepentingan penilaian yang disesuaikan dengan keupayaan dan gaya pembelajaran individu murid. Konsep ini mencabar pendekatan penilaian tradisional yang cenderung untuk menggunakan kaedah penilaian yang seragam untuk semua murid. Sebaliknya, Pedagogi Terbeza menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah penilaian yang membolehkan murid menunjukkan pemahaman dan kemahiran mereka melalui cara yang paling sesuai dengan gaya pembelajaran dan kekuatan individu mereka. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan gambaran yang lebih tepat tentang pencapaian murid, tetapi juga membantu meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mereka dalam proses pembelajaran. Zurina Mustaffa dan rakan-rakan (2022) menambah bahawa produk yang berbeza yang dihasilkan oleh murid bukan sahaja memberi motivasi kepada murid untuk mengikuti proses pengajaran, tetapi juga membantu dalam pembentukan karakter dan kemahiran kepimpinan.

Elemen persekitaran dalam Pedagogi Terbeza merupakan aspek penting yang mempengaruhi pengalaman pembelajaran murid. Zurina Mustaffa dan rakan-rakan (2021c) menekankan kepentingan menyediakan persekitaran pembelajaran yang pelbagai untuk memenuhi keperluan dan kecenderungan murid yang berbeza. Persekitaran pembelajaran ini bukan sahaja merujuk kepada ruang fizikal, tetapi juga meliputi suasana emosi dan sosial di dalam bilik darjah.

Dari segi ruang fizikal, persekitaran pembelajaran yang fleksibel adalah kunci utama. Ini melibatkan penggunaan pelbagai jenis perabot dan susunan yang menyokong kerja individu dan berkumpulan (Resilient Educator, 2023). Contohnya, guru boleh menyediakan pilihan tempat duduk yang pelbagai seperti meja kumpulan kecil, meja berdiri, atau bola lompat untuk membuat murid lebih selesa dalam ruang pembelajaran (Resilient Educator, 2023).

Selain itu, persekitaran pembelajaran juga harus merangkumi zon kerja yang berbeza. Beberapa murid mungkin bekerja dengan lebih baik dalam persekitaran yang senyap, manakala yang lain mungkin memerlukan ruang yang lebih kolaboratif (Resilient Educator, 2023). Mewujudkan kawasan yang berasingan di dalam bilik darjah untuk memenuhi keperluan ini boleh membantu murid mencapai potensi pembelajaran mereka yang optimum.

Dari perspektif emosi dan sosial, persekitaran pembelajaran yang positif membolehkan murid membina rasa kepunyaan, mempercayai orang lain, dan merasa digalakkan untuk menghadapi cabaran, mengambil risiko, dan bertanya soalan (The Global Scholars, 2022). Ini memerlukan guru untuk

mewujudkan suasana yang bebas tekanan dan menggalakkan, di mana murid berasa selamat dan yakin untuk berkongsi pendapat dan pemikiran mereka.

Kholidah dan rakan-rakan (2024) menekankan bahawa untuk menyesuaikan persekitaran pembelajaran dengan berkesan, guru perlu mengambil kira gaya pembelajaran murid. Ini melibatkan pertimbangan minat murid untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan, kesediaan mereka untuk mengukur tahap pemahaman dan kemahiran semasa, serta profil pembelajaran mereka untuk menyelaraskan dengan cara pembelajaran yang digemari.

Geviana Gladysya dan Nurfaradilla (2021) menambah bahawa persekitaran pembelajaran yang dibezakan juga perlu mengambil kira aspek fizikal bilik darjah, suasana emosi, dan interaksi sosial antara murid. Ini menunjukkan bahawa elemen persekitaran dalam Pedagogi Terbeza adalah kompleks dan pelbagai dimensi, memerlukan pertimbangan yang teliti dari guru untuk memastikan ia memenuhi keperluan semua murid. Kajian terkini oleh Geviana Gladysya dan Nurfaradilla (2021) menambah bahawa persekitaran pembelajaran yang diferensiasi juga harus mengambil kira aspek fizikal bilik darjah, suasana emosi, dan interaksi sosial antara murid.

Pedagogi Terbeza dan Pembentukan Karakter Kepimpinan

Kajian-kajian terkini telah mula mengaitkan Pedagogi Terbeza dengan pembentukan karakter kepimpinan murid. Menurut Ansori dan rakan-rakan (2023), Pedagogi Terbeza bukan sahaja membantu dalam pencapaian akademik, tetapi juga berperanan penting dalam membentuk karakter kepimpinan murid. Mereka mendapati bahawa pendekatan yang disesuaikan dengan keperluan individu murid dapat membantu dalam pembentukan nilai-nilai seperti integriti, empati, dan tanggungjawab sosial.

Yoyo Zakaria Ansori dan rakan-rakan (2024) dalam kajian mereka mengenai pembentukan karakter murid sekolah rendah melalui kepimpinan berasaskan nilai, mendapati bahawa Pedagogi Terbeza yang diintegrasikan dengan pendekatan kepimpinan berasaskan nilai dapat membentuk karakter kepimpinan yang lebih holistik. Mereka menekankan bahawa pendekatan ini bukan sahaja membantu dalam pembentukan karakter individu, tetapi juga dalam membina budaya sekolah yang positif.

Kajian oleh Rokayati dan rakan-rakan (2023) mengenai perbandingan kurikulum pendidikan di Finland, Malaysia, dan Indonesia menunjukkan bahawa negara-negara yang mengintegrasikan Pedagogi Terbeza dalam kurikulum mereka cenderung untuk menghasilkan murid dengan karakter kepimpinan yang lebih kuat. Mereka mendapati bahawa pendekatan ini membantu dalam pembentukan kemahiran seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kerjasama, yang merupakan komponen penting dalam kepimpinan.

Sioratna Puspita Sari dan Jessica Elfani Bermuli (2021) dalam kajian mereka mengenai pembentukan karakter tanggungjawab murid melalui implementasi pendidikan karakter, mendapati bahawa Pedagogi Terbeza memainkan peranan penting dalam memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan murid. Mereka menekankan bahawa pendekatan yang disesuaikan dengan keperluan individu murid membantu dalam pembentukan kesedaran diri dan tanggungjawab sosial.



Rajah 1: Elemen Pedagogi Terbeza

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian lapangan untuk menyelidiki amalan Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepimpinan murid sekolah rendah. Pemilihan kaedah kualitatif membolehkan pengkaji mendalami pengalaman dan perspektif guru pelatih secara terperinci, selaras dengan matlamat untuk memahami fenomena ini dalam konteks sebenar (Creswell & Poth, 2018). Reka bentuk kajian lapangan pula membolehkan pengkaji mengumpul data dalam persekitaran semula jadi peserta, memberikan gambaran yang lebih autentik tentang amalan Pedagogi Terbeza dalam bilik darjah (Yin, 2018).

Pensampelan purposif/bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian, melibatkan dua orang guru pelatih dari IPGM Kampus Raja Melewar. Kriteria pemilihan adalah berdasarkan pemetaan pengetahuan peserta terhadap Pedagogi Terbeza, memastikan peserta mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang konsep ini. Walaupun saiz sampel kecil, ia selaras dengan prinsip kajian kualitatif yang mementingkan kedalaman maklumat berbanding kuantiti (Patton, 2015). Pemilihan guru pelatih pula memberi perspektif unik tentang pelaksanaan Pedagogi Terbeza oleh pendidik yang masih dalam fasa pembentukan amalan profesional mereka.

Instrumen utama kajian adalah protokol temu bual separa berstruktur, yang membolehkan pengkaji meneroka topik kajian secara mendalam sambil mengekalkan fleksibiliti untuk menyesuaikan soalan berdasarkan respons peserta (Kallio et al., 2016). Untuk meningkatkan kesahan instrumen, pengkaji menggunakan teknik 'peer review' bersama pakar lain. Proses ini membantu mengenal pasti dan mengurangkan potensi bias, serta memastikan soalan temu bual mencakupi aspek-aspek penting kajian (Birt et al., 2016).

Prosedur pengumpulan data dimulakan dengan mendapatkan kebenaran etika dari Institut Pendidikan Guru Malaysia, mematuhi protokol penyelidikan yang ditetapkan. Setelah mendapat kelulusan, pengkaji menetapkan tarikh, hari, dan masa yang sesuai untuk menjalankan temu bual di lapangan. Temu bual dirakam dan ditranskripsikan, dan transkrip diserahkan kembali kepada peserta untuk pengesahan. Langkah ini, dikenali sebagai 'member checking', meningkatkan kesahan data dengan memastikan ketepatan interpretasi pengkaji terhadap pengalaman peserta (Lincoln & Guba, 1985).

Analisis data melibatkan pembinaan tema secara manual berdasarkan transkrip temu bual. Walaupun pendekatan manual ini mungkin memerlukan masa yang lebih lama berbanding penggunaan perisian analisis kualitatif, ia membolehkan pengkaji mendalami data dengan lebih intim dan mengenal pasti nuansa yang mungkin terlepas dalam analisis berkomputer (Saldaña, 2021). Proses ini melibatkan

beberapa peringkat, termasuk pengekodan awal, pengkategorian, dan pembentukan tema, yang membolehkan pengkaji menjawab persoalan kajian dengan komprehensif.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan amalan Pedagogi Terbeza boleh membentuk karakter kepimpinan murid di sekolah. Pedagogi Terbeza dapat membentuk pendidikan karakter kepimpinan dengan murid dapat menghormati antara satu sama lain, memanfaatkan kepelbagaian rakan sebaya, memanfaatkan kemampuan tahap pencapaian rakan dan kecerdasan pelbagai (Zurina Mustaffa et al., 2021c). Pedagogi Terbeza yang dilaksanakan di dalam bilik darjah dapat membentuk murid menghormati antara satu sama lain. Hal ini jelas menunjukkan antara perkara yang ditekankan di dalam pendidikan karakter ialah menghormati orang lain (Eko Mulyana et al., 2023). Menurut Faslia dan rakan-rakan (2023), menghormati orang lain ialah melayan semua orang dengan hormat, kerana setiap orang mempunyai nilai dan berhak mendapat kebebasan yang sama seperti orang lain. Ini menunjukkan individu perlu memahami mengapa manusia mesti menghormati semua makhluk dan alam sekitar kerana setiap entiti mempunyai kebebasan untuk dihormati. Hal ini dinyatakan oleh Peserta kajian yang pertama dan kedua iaitu (P1) "sentiasa menghormati murid-murid yang lain" (TB1, P1, hlm6) dan (P2) "murid bersikap terbuka dan menghormati murid lain yang berlainan tahap pencapaian" (TB2, P2, hlm5).

P1 menyatakan amalan Pedagogi terbeza dapat membentuk karakter kepimpinan murid dengan mereka menghormati murid yang lain. Menghormati mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah menerima, menghormati dan menjunjung tinggi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza dapat mendidik murid supaya lebih bertolak ansur antara satu sama lain dan juga menghormati pengajaran guru dan juga kepelbagaian keupayaan rakan sebaya sama ada dari aspek keupayaan dalam pencapaian akademik mahupun kokurikulum (Suhaili Samsudin, 2005).

Selain itu, murid yang menghormati murid lain yang mempunyai kepelbagaian dapat meningkatkan mutu pembelajaran kerana mereka berasa dihargai dan diraikan oleh rakan sebaya. Hal ini jelas dinyatakan oleh Imam Ibn Sahnun dalam Kitab Adab al-

Mua'limmin yang menyatakan murid seharusnya diraikan dengan kepelbagaian mereka (Mohammad Syafiq Ismail, 2020). Sehubungan dengan itu, setiap murid sedar bahawa setiap murid mempunyai kelebihan dan potensi yang berbeza (Ruddy & Ruhizan, 2022).

Dapatan kajian juga menunjukkan amalan Pedagogi Terbeza dapat membentuk karakter kepimpinan murid melalui sikap berkerjasama. Hal ini dinyatakan oleh P2 iaitu "Selain itu, murid bekerjasama dalam aktiviti kumpulan dengan sangat baik" (TB2, P2, hlm6). P2 berpendapat melalui amalan Pedagogi Terbeza, murid dapat membentuk sikap berkerja sama dalam menyiapkan aktiviti kumpulan.

Berkerjasama sangat penting dalam diri murid kerana ia dapat membentuk interaksi yang positif dalam kehidupan murid. Hal ini jelas dinyatakan oleh murid seharusnya sentiasa berkerjasama antara satu sama lain dalam pembelajaran dan menyiapkan tugas yang diberikan guru, bukannya bersaing untuk meletakkan mereka berada di atas (Mohd Aderi Che Noh et al., 2018). Berkerjasama juga dapat menaikkan semangat dan motivasi dalam kalangan murid untuk mencapai kejayaan bersama. Dapatan kajian (Ruddy & Ruhizan, 2022) menyatakan pengaruh persekitaran sosial di bilik darjah menyumbang kepada motivasi belajar murid di bilik darjah. Amalan Pedagogi Terbeza dapat membentuk karakter kepimpinan murid yang sentiasa bersemangat untuk berkerjasama di dalam menyiapkan aktiviti kumpulan. Fenomena ini juga disebabkan pedagogi Terbeza membezakan aktiviti pengajaran mengikut keupayaan pencapaian murid tersebut sama ada keupayaan dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Zurina Mustaffa et al., 2021b). Justeru itu, sistem 'rewards' juga boleh diketengahkan untuk menaikkan semangat murid untuk terus menanamkan sikap berkerjasama (Muhammad Al Asyari et al., 2021).

Dapatan kajian juga menunjukkan Pedagogi Terbeza dapat digunakan dalam pembentukan karakter kepimpinan murid. Hal ini jelas berdasarkan pandangan P1 yang

menyatakan Pedagogi Terbeza boleh digunakan dalam pendidikan karakter melalui teknik pengajaran guru yang baharu. Penyataan ini disokong oleh P2 iaitu Pedagogi Terbeza boleh digunakan dalam pembentukan karakter kepimpinan kerana ia dapat memberi impak yang positif kepada guru dan murid. Kedua-dua respon Peserta Kajian menunjukkan Pedagogi Terbeza boleh digunakan dalam pembentukan karakter kepimpinan murid. Daripada dapatan ini, jelas menunjukkan ciri-ciri Pedagogi Terbeza yang mempunyai teknik pengajaran yang baharu kerana mempunyai pelbagai elemen seperti elemen kandungan, proses, produk dan persekitaran dapat membantu pembentukan karakter kepimpinan yang positif (Kartika Eka Pertiwi, 2021b). Situasi ini juga menunjukkan Pedagogi Terbeza boleh digunakan dalam membentuk karakter kepimpinan murid kerana pengaplikasian Pedagogi Terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memberi impak yang positif kepada guru dan murid. Hal ini jelas dinyatakan dalam kajian Abd. Khahar bin Sapran dan rakan-rakan (2018) bahawa, amalan Pedagogi Terbeza memberi impak yang tinggi kerana pembelajaran murid lebih bermakna.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dalam konteks kajian ini, beberapa cadangan untuk kajian lanjutan telah dikenalpasti bagi memperluas pemahaman tentang amalan Pedagogi Terbeza dan pembentukan karakter kepimpinan murid. Pertama, kajian longitudinal dapat dijalankan untuk menilai kesan jangka panjang amalan Pedagogi Terbeza terhadap pembentukan karakter kepimpinan murid. Dengan pendekatan ini, pengkaji dapat memahami bagaimana kesan pedagogi ini berterusan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah, memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang perkembangan kepimpinan murid dalam jangka masa panjang.

Kedua, kajian perbandingan antara sekolah-sekolah yang mengamalkan Pedagogi Terbeza dengan yang tidak dapat memberikan bukti empirikal yang lebih kukuh mengenai keberkesanan pendekatan ini dalam membentuk karakter kepimpinan. Melalui analisis perbezaan dalam pencapaian dan perkembangan karakter antara kedua-dua kumpulan, penemuan ini dapat membantu dalam merangka dasar pendidikan yang lebih berkesan.

Ketiga, penyelidikan tentang integrasi teknologi digital dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza perlu dipertimbangkan. Dalam era digital ini, penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat meningkatkan keterlibatan murid dan memudahkan proses pembelajaran yang disesuaikan. Oleh itu, kajian lanjut tentang bagaimana teknologi boleh digunakan untuk menyokong Pedagogi Terbeza akan memberikan wawasan baru kepada pendidik.

Keempat, kajian mengenai peranan kepimpinan sekolah dalam menyokong pelaksanaan Pedagogi Terbeza juga penting. Ini dapat memberikan panduan kepada pengurusan sekolah dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong pendekatan ini serta menyediakan sumber dan latihan yang diperlukan untuk guru.

Selanjutnya, penyelidikan tentang keberkesanan program latihan guru dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelaksanaan Pedagogi Terbeza juga perlu dilakukan. Ini akan membantu memastikan bahawa guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan pendekatan ini dengan berkesan.

Akhir sekali, kajian kes mendalam tentang amalan terbaik Pedagogi Terbeza di sekolah-sekolah yang telah berjaya melaksanakannya dapat memberikan contoh konkrit dan panduan praktikal kepada sekolah-sekolah lain. Dengan memahami strategi dan amalan yang berkesan, pengkaji dapat membantu meningkatkan pelaksanaan Pedagogi Terbeza di seluruh negara.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepimpinan murid serta mengenal pasti kebolegunaan Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepimpinan murid sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pedagogi Terbeza memainkan

peranan penting dalam membentuk karakter kepemimpinan murid, terutamanya dalam aspek menghormati kepelbagaian dan kerjasama.

Salah satu penemuan utama kajian ini adalah amalan Pedagogi Terbeza dapat memupuk sikap saling menghormati dalam kalangan murid. Peserta kajian melaporkan bahawa murid yang terdedah kepada pendekatan ini lebih cenderung untuk menghormati rakan sebaya mereka, tanpa mengira tahap pencapaian atau latar belakang. Dapatan ini selaras dengan kajian Zurina Mustaffa dan rakan-rakan (2021c) yang menekankan bahawa Pedagogi Terbeza dapat membantu murid memanfaatkan kepelbagaian rakan sebaya dan menghargai perbezaan dalam kemampuan dan kecerdasan. Sikap menghormati ini merupakan asas penting dalam pembentukan karakter kepemimpinan, kerana pemimpin yang efektif perlu mampu menghargai dan memanfaatkan kepelbagaian dalam kumpulan mereka.

Dapatan ini juga menyokong pandangan Eko Mulyana dan rakan-rakan (2023) serta Faslia dan rakan-rakan (2023) yang menekankan kepentingan menghormati orang lain sebagai salah satu aspek utama dalam pendidikan karakter. Dalam konteks kepemimpinan, keupayaan untuk menghormati perbezaan dan menghargai sumbangan setiap individu adalah kritikal untuk membina hubungan yang positif dan memupuk persekitaran kerja yang inklusif. Pedagogi Terbeza, dengan penekanannya terhadap pengiktirafan dan pemanfaatan kepelbagaian murid, menyediakan platform yang ideal untuk memupuk nilai-nilai ini.

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa Pedagogi Terbeza menggalakkan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan murid. Peserta kajian melaporkan peningkatan dalam kualiti kerjasama semasa aktiviti kumpulan apabila pendekatan Pedagogi Terbeza digunakan. Penemuan ini konsisten dengan kajian Mohd Aderi Che Noh dan rakan-rakan (2018) yang menekankan kepentingan kerjasama berbanding persaingan dalam pembelajaran. Kerjasama yang berkesan merupakan kemahiran kepemimpinan yang penting, terutamanya dalam era digital yang semakin kompleks dan saling bergantung. Keupayaan untuk bekerjasama dengan berkesan bukan sahaja penting untuk pencapaian akademik, tetapi juga merupakan kemahiran hidup yang penting. Ruddy dan Ruhizan (2022) dalam kajian mereka juga memberi penekanan penting terhadap persekitaran sosial di bilik darjah dalam memotivasikan murid. Pedagogi Terbeza, dengan penekanannya terhadap aktiviti kumpulan yang disesuaikan dengan keperluan dan keupayaan murid yang berbeza, mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kerjasama yang bermakna dan berkesan.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa Pedagogi Terbeza boleh digunakan secara efektif dalam pembentukan karakter kepemimpinan murid. Peserta kajian melaporkan bahawa pendekatan ini membawa impak positif kepada guru dan murid, terutamanya melalui penggunaan teknik pengajaran yang baharu dan inovatif. Penemuan ini menyokong pandangan Kartika Eka Pertiwi (2021b) yang menekankan kepentingan pelbagai elemen dalam Pedagogi Terbeza seperti kandungan, proses, produk, dan persekitaran dalam pembentukan karakter kepemimpinan yang positif.

Kebolegunaan Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepemimpinan murid mencerminkan perubahan paradigma dalam pendidikan kontemporari. Pendekatan ini mengiktiraf bahawa setiap murid mempunyai potensi kepemimpinan yang unik, dan bahawa pembangunan karakter kepemimpinan perlu disesuaikan dengan keperluan dan keupayaan individu. Ini selaras dengan pandangan Yoyo Zakaria Ansori dan rakan-rakan (2024) yang mendapati bahawa integrasi Pedagogi Terbeza dengan pendekatan kepemimpinan berasaskan nilai dapat membentuk karakter kepemimpinan yang lebih holistik.

Sungguhpun demikian, pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam konteks pembentukan karakter kepemimpinan turut berhadapan dengan pelbagai cabaran. Kajian oleh Noor Erma dan Leong (2020) mendapati bahawa guru-guru di Malaysia masih mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan pendekatan ini, khususnya dari segi pengurusan masa dan penilaian. Keadaan ini menunjukkan bahawa latihan dan sokongan yang berterusan amat diperlukan untuk membantu para guru melaksanakan Pedagogi Terbeza dengan berkesan, terutamanya dalam usaha membentuk karakter kepemimpinan murid.

Satu aspek penting yang perlu diberi perhatian adalah bagaimana Pedagogi Terbeza dapat disesuaikan untuk memenuhi keperluan pembentukan karakter kepemimpinan yang spesifik. Walaupun kajian ini menunjukkan potensi pendekatan ini dalam memupuk sikap menghormati dan kerjasama, penyelidikan lanjut diperlukan untuk mengenal pasti bagaimana elemen-elemen lain dalam karakter kepemimpinan seperti integriti, keberanian, dan visi boleh dipupuk melalui Pedagogi Terbeza. Selain itu, peranan teknologi dalam

menyokong pelaksanaan Pedagogi Terbeza untuk pembentukan karakter kepemimpinan perlu diberi perhatian. Mohd Razimi dan rakan-rakan (2021) menyatakan bahawa integrasi teknologi dalam Pedagogi Terbeza dapat membantu guru menangani kepelbagaian murid dengan lebih berkesan. Dalam era digital ini, penggunaan teknologi yang sesuai sememangnya boleh meningkatkan keberkesanan Pedagogi Terbeza dalam membentuk karakter kepemimpinan murid.

Teknologi menyediakan pelbagai alat dan strategi untuk mempersonalisasikan pengalaman pembelajaran setiap murid. Perisian pembelajaran adaptif dapat menyesuaikan tahap kesukaran berdasarkan prestasi murid, membolehkan mereka maju pada kadar optimum masing-masing. Ini memupuk keyakinan diri dan kemahiran pengurusan diri yang penting untuk kepemimpinan. Alat penilaian formatif digital membolehkan guru memantau kemajuan murid secara berterusan dan membuat keputusan berdasarkan data untuk menyesuaikan pengajaran. Ini membantu guru mengenal pasti dan memupuk potensi kepemimpinan setiap murid dengan lebih tepat.

Teknologi juga menyokong pembelajaran kolaboratif dan berasaskan projek yang membangunkan kemahiran kepemimpinan seperti komunikasi, penyelesaian masalah dan kerja berpasukan. Platform dalam talian membolehkan murid bekerjasama merentasi sempadan bilik darjah, mendedahkan mereka kepada perspektif pelbagai dan meluaskan pemahaman global mereka. Walau bagaimanapun, kejayaan integrasi teknologi dalam Pedagogi Terbeza bergantung kepada kecekapan guru dalam menggunakan alat-alat ini dengan berkesan. Latihan dan sokongan berterusan kepada guru adalah penting untuk memastikan teknologi digunakan secara optimum untuk membentuk karakter kepemimpinan murid.

Kajian ini juga menimbulkan persoalan tentang bagaimana Pedagogi Terbeza boleh diintegrasikan secara lebih menyeluruh dalam kurikulum sekolah untuk menyokong pembentukan karakter kepemimpinan. Dapatan kajian Rokayati dan rakan-rakan (2023) mengenai perbandingan kurikulum pendidikan di Finland, Malaysia, dan Indonesia menunjukkan bahawa negara-negara yang mengintegrasikan Pedagogi Terbeza dalam kurikulum mereka cenderung untuk menghasilkan murid dengan karakter kepemimpinan yang lebih kuat. Ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana Malaysia boleh mengoptimumkan penggunaan Pedagogi Terbeza dalam sistem pendidikannya untuk memupuk generasi pemimpin masa depan yang lebih berkualiti.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Pedagogi Terbeza mempunyai potensi yang besar dalam pembentukan karakter kepemimpinan murid sekolah rendah. Pendekatan ini bukan sahaja membantu dalam memupuk sikap menghormati dan kerjasama, tetapi juga menyediakan platform yang fleksibel untuk pembangunan pelbagai aspek karakter kepemimpinan. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam konteks ini bergantung kepada beberapa faktor, termasuk latihan guru yang berkesan, sokongan pentadbiran sekolah, dan integrasi yang sesuai dalam kurikulum.

Untuk memaksimumkan potensi Pedagogi Terbeza dalam pembentukan karakter kepemimpinan, beberapa langkah boleh dipertimbangkan. Pertama, program latihan guru yang komprehensif perlu dibangunkan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran guru dalam menggunakan Pedagogi Terbeza untuk tujuan pembentukan karakter kepemimpinan. Kedua, penyelidikan lanjut diperlukan untuk mengkaji kesan jangka panjang Pedagogi Terbeza terhadap pembentukan karakter kepemimpinan murid, termasuk kajian longitudinal yang mengikuti perkembangan murid dari sekolah rendah hingga ke peringkat menengah dan seterusnya.

Kerjasama antara sekolah, institusi pendidikan tinggi, dan industri perlu diperkukuhkan untuk memastikan pembentukan karakter kepemimpinan melalui Pedagogi Terbeza selaras dengan keperluan dunia sebenar. Ini boleh melibatkan program mentor, projek komuniti, dan peluang kepemimpinan praktikal yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip Pedagogi Terbeza. Penggunaan teknologi dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza untuk pembentukan karakter kepemimpinan perlu dioptimumkan. Ini boleh melibatkan pembangunan aplikasi dan platform digital yang menyokong pembelajaran yang dipersonalisasi dan penilaian yang berterusan terhadap perkembangan karakter kepemimpinan murid. Seterusnya, kajian perbandingan antara sekolah-sekolah yang mengamalkan Pedagogi Terbeza dengan yang tidak dalam konteks pembentukan karakter kepemimpinan perlu dijalankan. Ini akan memberikan bukti empirikal yang lebih kukuh mengenai keberkesanan pendekatan ini dan membantu dalam merangka dasar pendidikan yang lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abd. Khahar bin Saprani, Mohd Faizal bin Nizam Lee Abdullah, Mohd Zailani bin Ismail, & Noraini binti Bidin. (2018). Pedagogi terbeza: Satu kajian kes di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 17-24.
- Ansori, Y. Z., Hakam, K. A., Nurihsan, J., & Hidayat, M. (2023). Student character development through integrated learning in elementary schools. *UNMA FKIP Education Journal*, 7(1), 177-186.
- Birt, L., Scott, S., Cavers, D., Campbell, C., & Walter, F. (2016). Member checking: A tool to enhance trustworthiness or merely a nod to validation? *Qualitative Health Research*, 26(13), 1802-1811.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (4th ed.). SAGE Publications.
- Derbala, S. M., & M.Yasin, R. (2022). Differentiated instruction in Malaysian primary schools: Teachers' perspectives and practices. *International Journal of Instruction*, 15(1), 247-266.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). Kamus Dewan (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eko Mulyana, Edi Rohendi, & Asep Dudi Suhardini. (2023). Penerapan pendidikan karakter dalam pembelajaran daring. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 30(1), 11-20.
- Faslia, Nurdin, & Zulkarnain. (2023). Implementasi pendidikan karakter dalam pembelajaran daring. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 7(1), 45-54.
- Geviana Gladysa Anak George, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Pendekatan pengajaran terbeza: Pengetahuan dan amalan guru kelas bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian literatur sistematik). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494.
- Ibrahim, M. S., & Hashim, N. (2021). Kajian pendekatan pengajaran dalam membentuk sahsiah murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 55-70.
- Ibrahim Suleiman Ibrahim Magableh, & Amelia Abdullah. (2020). Effectiveness of differentiated instruction on primary school students' English reading comprehension achievement. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(3), 20-35.
- Kallio, H., Pietilä, A. M., Johnson, M., & Kangasniemi, M. (2016). Systematic methodological review: Developing a framework for a qualitative semi-structured interview guide. *Journal of Advanced Nursing*, 72(12), 2954-2965.
- Kartika Eka Pertiwi. (2021a). Bagaimana menerapkan differentiated instruction. *Jurnal Program Studi Pendidikan Matematika*, 7(2), 100-105.
- Kartika Eka Pertiwi. (2021b). Differentiated instruction dalam pembelajaran matematika. *Jurnal Pendidikan Matematika*, 5(1), 1-10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. KPM.
- Kholidah, N., Amin, M., Lestari, U., & Lukiati, B. (2024). The effect of differentiated instruction on students' critical thinking skills in biology learning. *Jurnal Pendidikan Biologi Indonesia*, 10(1), 51-60.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). Naturalistic inquiry. SAGE Publications.
- Marina Rahmad, & Zamri Mahamod. (2021). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 17-28.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2018). Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berasaskan pendekatan terbeza. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 1-12.
- Mohd Razimi, N. A., Mohd Jelas, Z., & Mahmud, S. N. D. (2021). Integrasi teknologi dalam pedagogi terbeza: Cabaran dan peluang dalam konteks pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Teknologi dan Kejuruteraan*, 8(1), 10-22.
- Mohammad Syafiq Ismail. (2020). Konsep pendidikan menurut Imam Ibn Sahnun dalam Kitab Adab al-Mua'limmin. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 77-88.
- Muhammad Al Asyari, Mohd Aderi Che Noh, & Maimun Aqsha Lubis. (2021). Pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(1), 56-67.
- Noor Erma, A., & Leong, K. E. (2020). Cabaran pelaksanaan pedagogi terbeza dalam kalangan guru matematik sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 10(2), 11-25.
- Nurmelda Patric, & Roslinda Rosli. (2020). Pengajaran matematik berasaskan pembelajaran abad ke-21: Tinjauan sistematik. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 10(2), 26-41.
- Patton, M. Q. (2015). Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice (4th ed.). SAGE Publications.
- Resilient Educator. (2023). Differentiated instruction: Examples & classroom strategies. <https://resilienteducator.com/classroom-resources/examples-of-differentiated-instruction/>

- Rokayati, Rahmat Ganda Wijaya, Ida, & Anisa. (2023). Perbandingan kurikulum pendidikan di Finlandia, Malaysia, dan Indonesia: Sebuah analisis komparatif. *Edulead: Journal of Education Management*, 5(1), 36-43.
- Ruddy Anak Sibat, & Ruhizan M. Yasin. (2022). Pengaruh persekitaran sosial terhadap motivasi belajar murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 51-60.
- Saldaña, J. (2021). *The coding manual for qualitative researchers* (4th ed.). SAGE Publications.
- Santangelo, T., & Tomlinson, C. A. (2021). Teacher educators' perceptions and use of differentiated instruction practices: An exploratory investigation. *Action in Teacher Education*, 43(1), 79-99.
- Sherone J. Oyunini, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2023). Keberkesanan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) terhadap kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 41-54.
- Sioratna Puspita Sari, & Jessica Elfani Bermuli. (2021). Pembentukan karakter tanggung jawab siswa pada pembelajaran daring melalui implementasi pendidikan karakter. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian dan Kajian Kepustakaan di Bidang Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran*, 7(1), 110-121.
- Suhaili Samsudin. (2005). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam dalam memenuhi keperluan murid yang pelbagai. *Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 57-72.
- The Global Scholars. (2022). The importance of a quality learning environment. <https://theglobalscholars.com/the-importance-of-a-quality-learning-environment/>
- Tomlinson, C. A. (2020). *How to differentiate instruction in academically diverse classrooms* (3rd ed.). ASCD.
- Tomlinson, C. A., & Imbeau, M. B. (2022). *Leading and managing a differentiated classroom* (2nd ed.). ASCD.
- Tursunbayevna, T. S. (2021). Differentiation instruction as a tool for effective teaching and learning. *International Virtual Conference on Innovative Thoughts, Research Ideas and Inventions in Sciences*, 174-176.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.
- Yoyo Zakaria Ansori, Kama Abdul Hakam, Juntika Nurihsan, & Mamat Hidayat. (2024). Developing the character of elementary school students through values-based leadership. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 16(4), 5335-5344.
- Zuraidah Abdul, Hafizhah Zulkifli, & Zamri Mahamod. (2023). Memperkasakan pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran Akidah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 1-12.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021a). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru pendidikan Islam zon selatan Malaysia. *TAMU*, 7(2), 1-11.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021b). Pembangunan model pedagogi terbeza berasaskan elemen proses pengajaran dalam mata pelajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 41-52.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021c). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru pendidikan Islam zon selatan Malaysia. *TAMU*, 7(2), 1-11.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Kaedah fuzzy delphi: Reka bentuk pembangunan model pedagogi terbeza berasaskan elemen proses pengajaran dalam mata pelajaran tilawah Al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), 1-18